



Buletin

Rabiul Akhir 1447H/Oktober 2025

ACIS

Masjid Jantung Komuniti Muslim

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Masjid Jantung Komuniti Muslim



Oleh:

Dr. Hj. Mohd Kamel bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Bagi umat Islam, istilah "masjid" bukanlah istilah baharu. Malaysia bukanlah negara sekular yang menghalang kerajaannya daripada membina masjid. Setiap tempat dan kawasan di negara ini mempunyai masjid atau sekurang-kurangnya surau untuk melaksanakan aktiviti keagamaan.

Perkataan bahasa Arab sajada, yang bermaksud "sujud," adalah asal usul masjid. Selain itu, masjid bermaksud tempat untuk sujud atau, dengan kata lain, tempat di mana orang Islam melakukan solat berjemaah. Masjid juga disebut rumah Allah. Dalam al-Quran, Allah menyebut masjid sebanyak 28 kali, menunjukkan betapa pentingnya masjid dalam Islam.

Firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud *"Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (Quba) yang engkau bina (wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya dan Allah Mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)"* (Surah al-Taubah: 180).

Kedudukan Masjid di sisi Islam

Dalam Islam, masjid adalah tempat yang mulia. Masjid bukan sahaja tempat untuk beribadah tetapi juga tempat umat Islam melakukan perkara seperti beriktikaf, belajar, berkumpul dan bersatu.

Masjid adalah pusat kerajaan Islam pada zaman Nabi Muhammad. Oleh itu, sama ada mereka berkhidmat sebagai khalifah, amirul mukminin, imam, sultan, atau raja, masjid tidak pernah terpisah daripada tanggungjawab kepimpinan negara dalam sejarah Islam. Masjid memainkan peranan penting dalam perjalanan kerajaan Islam. Antara fungsi masjid di zaman Rasulullah SAW ialah:

1. Tempat untuk beribadat (sembahyang, zikir)
2. Tempat beriktikaf
3. Tempat untuk berunding dan berkomunikasi mengenai isu ekonomi dan sosiobudaya
4. Tempat pengajaran
5. Tempat yang menyediakan bantuan sosial
6. Tempat yang digunakan untuk latihan ketenteraan dan persiapan senjatanya
7. Tempat untuk merawat mangsa perang
8. Tempat pengadilan sengketa dan tempat perdamaian

9. Ruang tamu dan dewan

10. Tempat tahanan

11. Pusat yang menyediakan penerangan atau pembelaan agama.

Masjid juga adalah mercu tanda kehebatan dan kegemilangan Islam. Masjid al-Haram, Masjid Nabawi, dan Masjid al-Aqsa merupakan tiga masjid paling agung dalam Islam yang menjadi simbol kegemilangan tamadun dan keutuhan iman umat. Masjid al-Haram di Makkah menyaksikan kiblat umat Islam dan menjadi lokasi ibadah haji yang menyatukan jutaan jiwa setiap tahun. Masjid Nabawi di Madinah pula menempatkan makam Rasulullah SAW serta menjadi pusat penyebaran ilmu dan kasih sayang sejak zaman Baginda. Sementara itu, Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis bukan sahaja tanah suci yang diberkati, malah menjadi saksi peristiwa agung Isra' dan Mikraj, mengangkatnya sebagai masjid ketiga paling suci dalam Islam. Ketiga-tiganya bukan sekadar binaan, tetapi lambang kesatuan, sejarah, dan spiritual umat Islam sepanjang zaman.

Firman Allah SWT yang bermaksud *"Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadah ke langit maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haram (tempat letaknya Kaabah) dan dimana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Kabah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang mereka lakukan"* (Surah al-Baqarah: 144).

Siapakah yang Layak Memakmurkan Masjid

Firman Allah SWT yang bermaksud *"Hanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk"* (Surah al-Taubah: 18).

Dalam kitabnya Tafsir Al-Azhar, profesor HAMKA menyatakan bahawa memakmurkan masjid boleh dibahagikan kepada beberapa kategori, seperti berikut:

1. Selalu menghidupkan solat berjemaah didalamnya
2. Berkhidmat kepada masjid
3. Memeliharanya dan membersihkan masjid
4. Memperbaiki jika ada kekosakkan
5. Mencukupkan mana yang kurang
6. Menziarahi masjid untuk beribadat.

Masjid adalah tempat penyatuan umat Islam kerana tempat umat Islam solat secara berjemaah. Solat menjadi daya tarikan untuk umat Islam berkumpul, mengikis sifat pentingkan diri dan simbol tertegaknya Islam. Selain itu, masjid harus dihias dan dijaga tahap kebersihannya. Senario hari ini, masjid dibiarkan kotor, tidak ada orang yang membersihkan dan memeliharanya. Nabi Muhammad menitik beratkan penjagaan masjid dan seringkali menyuruh isteri dan sahabat mewangikan masjid dengan harum-haruman.

Orang-orang mukmin yang berhak mengimarahkan masjid-masjid Allah dan mengharapkan hidayah Allah ialah mereka yang takut kepada Allah. Takut yang dimaksudkan ialah keikhlasan kepada Allah dan menjauhkan diri dari segala perbuatan syirik sama ada melalui perbuatan atau perasaan. Kesimpulannya, terdapat 4 golongan manusia yang layak memakmurkan masjid seperti yang disebut oleh Allah dalam ayat di atas iaitu:

1. Orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat
2. Orang yang mendirikan solat
3. Orang yang menunaikan zakat
4. Orang yang bertaqwa dan takut kepada Allah.

Fadhilat Beribadah di Masjid

Beribadah di Masjid mempunyai banyak kelebihan dan fadhilat yang dijanjikan Allah sama ada fadhilat di dunia mahupun akhirat. Antara kelebihan dan fadhilat beribadah di Masjid ialah:

1. **Tanda Orang Beriman.** Rasulullah dalam sebuah hadith yang bermaksud *"Apabila kamu lihat seorang lelaki yang berulang alik ke masjid maka saksikanlah bahawa orang itu telah mencapai iman"* (Riwayat Ahmad dan al-Tirmizi). Tanda orang beriman ialah mereka tidak solat melainkan hanya di Masjid. Sedaya upaya berusaha untuk memastikan solat fardhu dilakukan secara berjemaah. Tentu sekali apabila seseorang itu tekun menunaikan ibadah berjemaah di masjid mereka manusia yang cemerlang kerana menjaga waktu, disiplin dengan tanggungjawab harian dan mengutamakan panggilan Allah daripada panggilan manusia. Bukankah itu tanda orang beriman?

2. **Meraih pahala sebesar 27 kali ganda.** Nabi Muhammad bersabda dalam hadith yang bermaksud *"Solat berjemaah (di masjid) lebih utama daripada solat sendirian iaitu dua puluh tujuh darjat"* (riwayat Bukhari dan Muslim). Beruntung bagi mereka yang mendapat ganjaran sebesar ini. Siapakah yang lebih beruntung sama ada solat bersendirian dengan satu pahala atau solat berjemaah dengan meraih 27 kali ganda. Tentu sekali solat berjemaah lebih kaya pahalanya. Namun, lebih parah lagi ialah jika ada dikalangan umat Islam yang tidak solat. Pahala pun tidak dapat, doa pula yang bertambah.

3. **Menghapuskan dosa yang lalu.** Rasulullah SAW bersabda *"Sesiapa yang bersuci (berwudhuk) di rumahnya, kemudian pergi ke sebuah rumah dari rumah Allah (salah satu masjid dari masjid-masjid yang lain) untuk menunaikan solat fardhu dari beberapa solat fardhu yang diperintahkan Allah, maka setiap langkah dinilai oleh Allah) selangkah pertama menghapuskan dosa kecil dan langkah-langkah yang lain menaikkan darjatnya"* (Riwayat Muslim).

Hakikatnya tiada tempat yang lebih mulia untuk dituju selain daripada masjid. Perasaan atau tidak apabila kita tiba di laman masjid suasana terasa tenang seumpama berada di suatu tempat yang damai.

Berdasarkan hadith di atas, setiap langkah menuju ke masjid diberi penghapusan dosa-dosa yang lalu. Dosa terbahagi kepada dua iaitu dosa besar dan dosa kecil. Dosa besar akan terhapus dengan melakukan taubat nasuha manakala dosa kecil akan diampunkan dengan melakukan amat ibadah antaranya seperti maksud hadith di atas.

4. **Meraih pahala 100 kali ganda.** Rasulullah berkata yang bermaksud *"Solat di masjidku (Masjid Nabawi) ini lebih baik dari solat di masjid lain kecuali masjid Al-Haram (di Makkah) kerana solat di masjid Al-Haram seratus lebih baik dari masjidku ini (Masjid Nabawi)"* (Riwayat al-Bukhari, Muslim, Ahmad, al-Nasa'i dan Ibn Majah). Manusia sering kali terbeliak matanya jika melihat angka-angka tawaran yang berlipat kali ganda seperti tawaran diskaun di pasar raya. Namun, tawaran Allah ini lebih dasyat daripada tawaran manusia. Mereka yang berkemampuan menunaikan umrah atau haji ambil kesempatan emas ini untuk beribadah di Masjid Al-Haram atau Masjid Nabawi. Kedua-dua Masjid ini adalah masjid suci bagi umat Islam. Mereka yang tidak berkemampuan pula, berazam dan berdoa semoga Allah memberi peluang kepada kita meraih ganjaran ini.

5. **Bersahabat dengan ahli masjid.** Rasulullah bersabda dalam sebuah hadith yang bermaksud *"Sesungguhnya syaitan itu adalah serigala terhadap manusia. Sama seperti serigala menerkam kambing yang suka menjauh-jauh dan menyisih-nyisih. Oleh sebab itu, sesekali janganlah kamu menempuh jalan bersendirian, hendaklah kamu berjemaah serta berkumpul dengan orang yang banyak serta ke masjid"* (Riwayat Ahmad). Islam menggalakkan manusia hidup secara berjemaah atau berkomuniti. Islam juga menganjurkan supaya mencari komuniti yang mempunyai masjid malah aktif. Tentu sekali kita akan dapat bersahabat dengan orang-orang masjid yang dekat kepada Allah. Sahabat yang baik akan membawa kita ke arah kebaikan dan begitulah sebaliknya.

Adab-Adab berada di Masjid

1. Masuk ke dalam masjid hendaklah mendahulukan kaki kanan dan keluar dengan mendahulukan kaki kiri.
2. Membaca doa ke masjid. *"Wahai Tuhanku, jadikanlah cahaya pada hatiku, cahaya pada penglihatanku, cahaya pada pendengaranku, cahaya di sebelah kananku, cahaya di sebelah kiriku, cahaya di sebelah mukaku, cahaya di sebelah belakangku, cahaya pada uratku, cahaya pada dagingku, cahaya pada darahku, cahaya pada rambutku, dan cahaya pada kulitku"*.
3. Solat tahiyatul masjid apabila masuk masjid. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud *"Sekiranya kamu masjid, maka janganlah duduk sehingga kamu menunaikan solat 2 rakaat"* (Riwayat al-Bukhari). Satu hadith yang lain daripada Jabir bin Abdullah r.a katanya: Ketika Nabi Muhammad sedang berkhotbah pada hari Jumaat, datanglah seorang lelaki. Rasulullah bertanya kepadanya: Adakah engkau telah mendirikan sembahyang Tahiyatul masjid, wahai si fulan? Orang itu menjawab belum, Rasulullah berkata, bangun dan sembahyanglah.
4. Duduk dalam masjid dengan menghadap kiblat.
5. Berniat iktikaf selama duduk di dalamnya.
6. Memelihara kebersihan masjid dan tidak mengotorinya.
7. Tidak melakukan perkara tidak disukai syarak seperti bernyanyi, bertanya barang-barang yang hilang dan seumpamanya.

Salah Tanggapan terhadap Masjid

1. Masjid hanya untuk orang-orang veteran. Persepsi ini adakalanya benar dan adakalanya salah. Jika benar, apa tidaknya jemaah yang sering menunaikan solat di Masjid adalah golongan veteran. Ahli jawatankuasa Masjid pula terdiri daripada orang-orang yang berpendirian. Sebetulnya masjid adalah hak milik semua orang Islam. Tidak ada kasta dan pilih kasih apabila kita berada di dalam masjid. Tidak salah juga jika ada orang muda atau remaja yang menganggotai AJK masjid sebagai daya tarikan untuk mereka aktif bersama jemaah Masjid.

2. Masjid hanya tempat ibadah khusus. Salah tanggapan terhadap fungsi Masjid terhadap kepada ibadah khusus seperti solat, berzikir, membaca al-Quran. Fungsi masjid begitu luas peranannya sebagai pusat komuniti masyarakat setempat. Pada zaman Nabi Muhammad, masjid dijadikan one stop centre umat Islam untuk melakukan aktiviti seperti menuntut ilmu, berniaga, bermesyuarat dan pusat pentadbiran Negara. Sebagai contoh, Masjid Al-Haram mempunyai perpustakaan untuk para jemaah membaca dan membuat perbincangan.

3. Menjaga fizikalnya bukan mengimarhkannya. Nabi Muhammad pernah menyebut apabila tiba akhir zaman masjid-masjid hanya tinggal syiar dan tidak di imarahkannya. Masjid dijaga dengan penuh rapi, seni bina bertaraf dunia, hiasan dalaman yang berkilauan tetapi orang yang mengimarhkannya sunyi sepi. Islam amat mengalakkan supaya dijaga sebaik mungkin masjid sebagai rumah Allah. Namun, paling mustahak ialah mengimarhkan masjid dengan solat, aktiviti yang memberi manfaat kepada manusia.

Sebagai institusi terpenting dalam kehidupan umat Islam, masjid bukan sekadar tempat menunaikan solat, tetapi berperanan sebagai pusat pembangunan rohani, sosial, dan pendidikan yang menyatukan masyarakat. Sejarah membuktikan bahawa masjid menjadi nadi kepada kemajuan ummah, sejak zaman Rasulullah SAW sehingga kini. Justeru, tanggungjawab menjaga, mengimarhkan, dan menghidupkan fungsi masjid bukan hanya terletak di bahu pihak pengurusan semata-mata, tetapi perlu digalas bersama oleh seluruh ahli komuniti. Dengan kembali memartabatkan masjid sebagai jantung komuniti, umat Islam mampu membina masyarakat yang bersatu, berakhlak, dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran zaman moden.

SERAMBI WAHYU

Meletakkan Mashaf Al-Quran Di Tempat Yang Tinggi

Kata Imam al-Bujairimi al-Syafie:

وَيَحْرُمُ وَضْعُ الْمُصْحَفِ عَلَى الْأَرْضِ،
بَلْ لَا بُدَّ مِنْ رَفْعِهِ عُزْفًا وَلَوْ قَلِيلًا.

"Diharamkan meletak mashaf di atas lantai, bahkan hendaklah mengangkatnya sesuai dengan uruf walaupun sedikit"

-Dr. Redha-